

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN PARLIMEN
KUALA LUMPUR**

**ISNIN, 03 November 2008
(Sesi Pagi)**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]	-	<i>Pengerusi</i>
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]	-	<i>Timbalan Pengerusi</i>
YB. Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]		
YB. Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]		
YB. Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]		
YB. Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]		
YB. Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang]		
YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]		
YB. Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]		
YB. Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]		
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]		
YB. Dato Lee Chee Leong [Kampar]		
YBhg. Puan Roosme binti Hamzah	-	<i>Setiausaha</i>

Tidak Hadir (Dengan Maaf)

YB Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]
YB. Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]

URUS SETIA

Encik Ikmalrudin bin Ishak [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)]
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Penolong Setiausaha Kanan (Perundangan dan Prosiding)]

Tidak hadir [Dengan Maaf]:

Encik Muhd Sujairi bin Abdullah [Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

YBhg. Dato' Azizah binti Haji Arshad [Timbalan Ketua Audit Negara, Pesekutuan]
Encik Mustafa Hj. Saman [Pengarah Audit]
Puan Hafiza binti Yaakob [Juruaudit (Cawangan Audit Pertahanan)]
Puan Aini binti Abd. Rahman [Penolong Juruaudit (Cawangan Audit Pertahanan)]

Kementerian Kewangan Malaysia

YBhg. Dato' Mohamed bin Stapa [Timbalan Setiausaha Bhg. Perolehan Kerajaan (Operasi)]
Tuan Syed Nasir bin Syed Ahmad [Timbalan Setiausaha Bahagian]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Unit Perancang Ekonomi, JPM**

Encik Ahmad bin Ali [Ketua Penolong Pengarah]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Wan Selamah binti Wan Sulaiman [Pengarah Bahagian Perkhidmatan
(Operasi Pusat dan Agensi)]

Puan Fauziah binti Abdullah [Timbalan Pengarah Bahagian Perkhidmatan
(Operasi Pusat dan Agensi)]

Tuan Haji Ahmad Hamzah Dol Rahim [Timbalan Pengarah]

Jabatan Perkhidmatan Awam

YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd. Azhar bin Haji Yahya [Pengarah Bahagian Perkhidmatan]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Pertahanan**

YBhg. Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah [Ketua Setiausaha]

YBhg. Tan Sri Jeneral Azizan bin Ariffin [Panglima Tentera Udara]

Encik Nadzri bin Siron [Setiausaha Bahagian Perolehan]

Tuan Haji Zubir bin Zakaria [Setiausaha Bahagian Industri Pertahanan]

Kolonel Tuan Mustapha bin Tuan Hussin [Ketua Tim. Projek Helikopter]

Lt. Kolonel Rosni bin Aziz [Pegawai Memerintah Pangkalan Udara KL]

Mejar Izani bin Salleh [PSU F Pero 3]

Lt. Kolonel Mohd. Razip bin A. Samad [TUDM]

Mejar Anahar Mohd @ Yahya [TUDM]

Mejar Ir. Khairul bin Ayop [TUDM]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KEDUA****ISNIN, 3 November 2008****Di Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Bangunan Parlimen****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.49 pagi**

[Yang Berhormat Dato' Seri Azmi bin Khalid
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Parlimen ke-12. Yang Berbahagia wakil Ketua Audit Negara; Yang Berbahagia Setiausaha Dewan Rakyat, Puan Roosme Hamzah dan seterusnya kepada pegawai daripada jabatan dan agensi.

Syukur Alhamdulillah kerana pada hari ini dapat kita berkumpul sekali lagi dalam Mesyuarat PAC 7/2008 untuk membincangkan satu isu yang melibatkan kepentingan dan pertahanan negara. Perbincangan dan isu yang sama yang telah kita bincangkan sebanyak dua kali ketika kita bermesyuarat pada minggu yang lalu. Isu-isu berkaitan pembelian helikopter Eurocopter EC 725 yang bertujuan menggantikan pesawat Nuri sedia ada masih lagi hebat diperdebatkan di Dewan Rakyat.

Walaupun kerajaan telah menanggungkan pembeliannya sehingga ekonomi stabil kembali. Pelbagai spekulasi dan pendapat timbul, baik di dalam Dewan ataupun di kalangan masyarakat awam. Andaian-andaian secara langsung dan tidak langsung boleh menjejaskan kredibiliti dan integriti pentadbiran negara.

Dengan ini juga saya ingin memperjelaskan bahawa di sinilah tanggungjawab Jawatankuasa Kira-Kira wang Negara dalam mendalami dan meneliti proses dan prosedur pembelian helikopter agar masyarakat mendapat gambaran dan situasi yang sebenarnya. Mesyuarat kita pada hari ini akan dijalankan dalam dua sesi iaitu sesi pertama pada pagi ini dan sesi kedua pada pukul 2.30 petang.

Pada minggu lalu Rabu 29 Oktober kita telah bermesyuarat dan telah diberikan taklimat selama lebih dari empat jam oleh pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Pertahanan yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan Panglima Tentera Udara. Terima kasih dan penghargaan kepada mereka di atas komitmen yang telah ditunjukkan.

Walau bagaimanapun masih terdapat beberapa aspek, khususnya aspek teknikal yang memerlukan penjelasan mendalam yang diberikan oleh Kementerian Pertahanan. Oleh itu Ahli-ahli Jawatankuasa telah bersetuju untuk memanggil Kementerian Pertahanan sekali lagi pada

pagi ini bagi tujuan tersebut. Insya-Allah pada sesi petang jam 2.30 nanti kita akan diberi taklimat oleh Kementerian Kewangan yang sepatutnya taklimat tersebut diberikan pada Khamis minggu lalu, tetapi telah ditangguhkan atas sebab-sebab yang kita semua sedia maklum.

Tanpa melengahkan masa saya rasa kita boleh memulakan sesi dengan menjemput Kementerian Pertahanan bagi memulakan taklimat seperti yang telah dijadualkan. Kita tangguhkan bincang, kita terus panggil kementerian yang terlibat dan kita juga telah diedarkan senarai soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sekalian. Boleh kita mula? *Can we call them*, persilakan.

[Saksi-saksi daripada Kementerian Pertahanan mengambil tempat di dalam Bilik Mesyuarat]

11.58 pg.

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Yang Berbahagia Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan; Yang Berbahagia Tan Sri Jeneral Azizan bin Ariffin, Panglima Tentera Udara; dan semua yang mewakili kementerian yang hadir bersama. Terlebih dahulu saya mengucapkan selamat datang sekali lagi. Kita terpaksa panggil sekali lagi kerana timbul beberapa soalan dalam Parlimen dan di luar dan juga di peringkat jawatankuasa ini juga ada beberapa soalan yang khusus yang terima kasih diperjelaskan oleh pihak kementerian. Jadi *we are going to the specifics. We have list of questions. I think have been forwarded to the kementerian* diharapkan kementerian telah pun mengkajinya. *So, we go to the first question*, Yang Berhormat Kepong, *can you proceed*.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Okey, semua sudah terima kan, soalan?

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah [Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi dan Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa PAC. Sememangnya Kementerian Pertahanan telah menerima dan Kementerian Pertahanan telah menyediakan secara menyeluruh *to address the question* yang *forward to us. So that's why we prepared slide presentation* supaya tersusun dari segi soalan dan juga perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Jadi akan memudahkan kita ataupun Kementerian Pertahanan memberi penjelasan Tuan Pengerusi.

▪ 1200

Tuan Pengerusi: *Okay, please proceed.*

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: *I go very quick* lah. Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Berhubung dengan perkara-perkara ataupun persoalan yang telah dibangkitkan, Kementerian Pertahanan telah menyediakan satu taklimat sebagai sambungan kepada perkara-perkara yang telah dibentangkan di mana skop taklimat adalah seperti saya tunjukkan, dan seterusnya saya pergi kepada sedikit *to recap* tentang latar belakang. Tender kita dibuka pada 7 November, ditutup pada 8 Januari permulaannya, dan dilanjutkan 12 Februari. Tujuh penender telah menyertai.

Penilaian dibuat secara tiga peringkat, teknikal, harga dan *offset*. Isu pertama yang dibangkitkan tentang berhubung dengan juruterbang dan jurutera penguji helikopter.

Ingin saya menunjukkan keahlian enam orang ahli-ahli lembaga ataupun jawatankuasa penyertaan teknikal ini keupayaan mereka. Pertamanya Kolonel Tuan Mustapha adalah juruterbang penguji atau *test pilot*, yang mana dia mempunyai kelayakan-kelayakan sepertimana yang ditunjukkan dari segi kepakarannya. Dia mempunyai jumlah penerbangan ataupun *flying hours*, 3000 jam. Dia juga adalah jurulatih untuk helikopter. Seterusnya Leftenan Kolonel Ir. Mohd. Razip sememangnya jurutera untuk Nuri, Alouette dan sebagainya. Dia juga ketua jurutera MilG29 dan dia adalah jurutera penguji helikopter dan sebagainya...

Tuan Pengerusi: Minta maaf Dato'. *I'm trying to follow*, yang Kolonel Tuan Mustapha ini, muka tiga, ada..., muka berapa itu Mohd Razip muka empat? Okey-okey. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: Kolonel Mohd. Razip jurutera penguji juga ditunjukkan beliau mempunyai kelulusan atau kepakaran *licensed aircraft engineer* bagi Nuri, Alouette, Bell, iaitu helikopter dan *fighter jet* MiG29. Seterusnya Leftenan Kolonel Rosni bin Aziz, dia adalah juruterbang VVIP, helikopter. Dia berkelulusan *Master of Science in Strategic Studies*. Dia adalah juruterbang untuk helikopter Nuri, Alouette, Black Hawk, Agusta. Mempunyai 5,779 *flying hours*. Ahli selainnya Mejar Mohamad Yasin, dia juga adalah juruterbang helikopter mempunyai *to his credit* 2,800 *flying hours*. Dia adalah juga pemeriksa helikopter. Mejar Anahar Mohd @ Yahya, mempunyai Diploma Kejuruteraan Mekanikal, UITM. Dia adalah *licensed Aircraft Engineer* bagi pesawat Nuri, AS61N1 Agusta, Black Hawk. Mejar Ir. Khairul mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, Kepujian UTM.

Beliau adalah juga *licensed aircraft engineer, aircraft structural integrity and repair*. Seterusnya Mejar Sharani adalah pegawai logistik. Berdasarkan kepada keupayaan-keupayaan ahli-ahli jawatankuasa teknikal ini ingin saya menunjukkan inilah dari segi spesifikasi yang diguna pakai oleh helikopter ataupun standard yang diterima pakai. Ini adalah bagi perkara-perkara berhubung dengan helikopter. Sepertimana yang kita tahu Malaysia standard yang dikeluarkan oleh SIRIM begitu juga dari segi ubat-ubatan, *food and drug authority* Amerika, FAA, NATO standards, *these are all recognized standard* dan diterima pakai.

So, berdasarkan kepada standard-standard yang diguna pakai tersebut di mana helikopter-helikopter dikeluarkan oleh OEM, maka kita memerlukan helikopter untuk menjalankan tugas spesifik seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini iaitu helikopter utiliti mempunyai kemampuan SAR dan boleh ditingkatkan kepada SAR itulah seterusnya kita menulis spesifikasi yang dibahagikan kepada tiga iaitu *part* satu, *general*; *part* dua, teknikal *specification*; dan *part* tiga, *supporting requirement*.

Di sini kita nyatakan apa yang dimaksudkan dengan kritikal dan *essential* bagi perkara kritikal dan perkara-perkara mandatori yang wajib dipatuhi. Ketidakpatuhan akan mengakibatkan kepincangan kepada fungsi sistem atau keupayaan untuk melaksanakan misi dengan berkesan.

Sedangkan *essential item* adalah perkara-perkara yang baik untuk dipenuhi. Ketidapatuhan tidak akan menyumbang kepada kepincangan, kepada keupayaan untuk melaksanakan misi dengan berkesan. So, berdasarkan kepada SOC atau *Schedule of Compliance* kita telah menetapkan *critical requirement* sebanyak 285, manakala *essential requirement* adalah 51.

Kriteria yang telah ditetapkan adalah bagi *critical requirement* mestilah *complied* melebihi 60% manakala bagi *non compliance* adalah tidak melebihi 10%. Seterusnya saya bantah di sini berdasarkan kepada SOC yang kita telah sediakan, ini adalah keputusan-keputusan daripada pihak-pihak yang mengambil bahagian sepertimana kita setuju sebelum ini bahawa tiga yang *meet the general criteria* ataupun *general requirement*. Itulah kedudukan *result* nya dan juga kita bagi lagi satu helikopter yang mengatakan bahawa dia juga adalah *contender*. Itu kedudukannya dan secara ringkas ingin saya tunjukkan bahawa secara *summary*. *Summary* untuk *tenderer* nombor satu, *compliance and critical requirement* 69, *non compliance* nya 5%. Untuk 04 38 *against* 32, 06 86 *against* 1.7 dan 07 68 *against* 8.

Ini saya tunjukkan apa yang dimaksudkan dengan helikopter yang mempunyai keupayaan *search and rescue*. Ini boleh kita peroleh, maklumatnya adalah maklumat umum dari segi keupayaan helikopter-helikopter iaitu set EC725, MI172KF, AW101 dan S92. Dari segi maksimum *payload* kita nampak perbezaannya, dari segi *speed* kita nampak juga. *Radius of action* 310 *against* 1,110, *against* 325, *against* 400 *nautical miles*. *Numbers of troops can be carried*, 28, 36, 27, 22 dan *services ceiling* 20 ribu kaki. Ada 19 ribu sahaja, ada 15 ribu, ada 13 ribu. Seterusnya ditanyakan kenapa kita tidak membuat ataupun menghantar *team* untuk buat ujian penilaian.

Ingin saya tunjukkan di sini kos sekiranya kita menghantar *team* untuk membuat *flight test* sepertimana yang disebutkan. Ini adalah kos sekiranya kita pergi ke Russia RM209 ribu, Perancis RM159 ribu, United Kingdom RM158 ribu, Amerika Syarikat RM144 ribu, ke Kanada RM319 ribu. Jadi sekiranya kita perlu membuat *test*, kita perlu berbelanja sebanyak RM989 ribu ataupun hampir RM1 juta.

Ini adalah disebabkan kerana sebelum ini kita telah pun membuat aktiviti-aktiviti pengujian pesawat-pesawat helikopter yang ada iaitu kita senaraikan tempoh-tempoh atau tarikh-tarikh ujian dan jenis-jenis helikopter yang telah kita laksanakan. Iaitu sejak tahun 1994 sehinggalah tahun 2006 dan gambar-gambar uji terbang yang kita buat termasuk MI171, AW101, EC725, A109, EC635, EC130. Manakala untuk makluman Yang Berhormat ahli-ahli jawatankuasa inilah helikopter-helikopter yang ada, yang untuk kita buat *test*, yang mana telah kita buat pun. Agusta Westland dia sediakan tiga helikopter, Eurocopter tidak ada *dedicated* helikopter, Sikorsky menyediakan satu helikopter. Ini juga kita tunjukkan bahawa ...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Penjelasan sikit. *Dedicated* helikopter apa maksudnya?

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: Ya?

Tuan Pengerusi: *Dedicated helicopter...., no dedicated helicopter itu.*

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: Tidak ada helikopter yang untuk ditunjuk macam *showroom* lah. Jadi kalau hendak pakai kita kena terbang, kita kena *try* yang helikopter digunakan oleh tentera Perancis. So maknanya kalau kita hendak buat *flight test* pun, *we have to make arrangement and get the consent of the* angkatan tentera Perancis juga. *Helicopter dedicated, that is the only helicopter available.* So itu yang saya tunjukkan tarikh-tarikh sebelum yang telah kita buat ujian dan yang 101 yang saya tunjukkan tadi telah datang pada AC725LIMA. Sorry, EC725, 5 LIMA 2007. Pada 65 hari bulan, Majer Izhar ada terbang, 6 hari bulan Kolonel Haji Amin, Leftenan Kashah ada...

Tuan Pengerusi: 2007 itu di LIMA kan?

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: LIMA Langkawi.

Tuan Pengerusi: Apa pesawatnya?

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: EC725.

Tuan Pengerusi: Itulah saya tanya, LIMA tahun sudah, tahun 2007. Kata, jawapan hari itu kata, tidak ada Eurocopter, *whereas is I saw it and I was there...*

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: *Sorry, we made a mistake.*

Tuan Pengerusi: *So somebody must have forgotten.*

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: *We made the a mistake.* Banyak helikopter itu.

Tuan Pengerusi: Kalau ada *that means a*

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: Ada, ada ...

Tuan Pengerusi: Okey, *thank you.*

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: *So at the same time, I want to show that* bukanlah satu perkara luar biasa untuk bila kita membuat perolehan, tidak ada dibuat ujian-ujian sebab *international procurement* sebelum ini pun, yang mana harganya yang lebih mahal daripada apa yang kita hendak buat, contohnya Boeing 787 Dream Liner, dia telah di *offer for sale* sejak tahun 2003. Program *launch in* April 2004. All Nippon Airways telah buat *booking 50 aircraft*, 600, sehingga Jun 2007, 634 *order* telah dibuat sedangkan *flight test anticipated* pada tahun ini dan dimaklumkan ada *slighted delay* dan dijangkakan akan dapat *specification*, standard-standard yang nyatakan tadi hanya pada *middle of 2009.*

No test flight, nothing Tuan Pengerusi. Satu lagi adalah Airbus A380 yang mana kita tahu MAS sedang juga menunggu pembekalan, SIA baru dapat. *Commercial launching of the project* adalah tahun 2000. *First order* dibuat sebanyak 78 *aircraft* pada 2001 dan seterusnya *maiden flight* hanya dibuat pada tahun 2005. *Certification* nya *delay* pada 2006 dan baru kita dapat tahu *delivery* dibuat 2007.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Adakah ini bermakna pihak MAS itu pun tidak uji terbang sebelum dia membeli.

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: A380 was not available. Sebelum dia buat kontrak dan seterusnya, saya juga hendak menunjukkan yang *military* punya *airbus A400M*. Program started 1997. MOU di *signed* oleh empat buah negara. France, Germany, UK..., sorry, tujuh negara. France, Germany, Spain, UK, Belgium, Luxembourg and Turkey tahun 2001. *Signing of contract* untuk *launching of nation consortium* pada 2003. Malaysia dan South Africa juga membuat perolehan pada 2005. *Total number ordered so far, 180 aircraft. First flight expected*, ini orang dapat uji apa semua pada tahun 2009 nanti. *First anticipated delivery 2011* di mana France akan ambil.

So, what I'm to tell is that adalah satu perkara biasa di mana pembelian-pembelian bagi peralatan-peralatan pertahanan terutamanya, *beside that* yang bukan *military* pun, komersial, yang mana bila dibuat *development* dan sebagainya dan bakal-bakal pembeli *is convinced with the development, they will sign even the contract not LOI only* Tuan Pengerusi.

■1215

They will sign the contract as well because the most important thing adalah masa *pre-delivery inspection, because the contract will really covered the* pembeli sekiranya penjual tidak *meet the contract* punya *condition. The pembeli have the right to reject, not to pay a single cent.* Termasuklah juga kita membeli peralatan-peralatan lain seperti *missile* dan sebagainya. *We never go and test the missile, it is expensive but then, once we have sign the contract* dan sebagainya, pergi PDI, kita *check*, mereka akan tunjuk, kita *check*, tembak *missile* itu...

Seorang Ahli: *It is a proven system*

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: *Because it is a proven system that already made all those standard* seperti mana yang ditetapkan. *We have to base on that.*

Seterusnya, ingin saya menunjukkan sedikit perbezaan dari segi struktur helikopter utama, apa yang ada di dalamnya dan seterusnya *the transmission system and engine*, itu dia *background* dia dan saya tunjukkan juga konfigurasi setimpal dengan misi yang dimaksudkan. Ini dia, kita ada *gun* dan sebagainya.

Seterusnya saya tunjukkan inilah *additional items* yang dikatakan perlu helikopter tersebut ada bagi melaksanakan tugas-tugas *search and rescue* dan perbezaannya bila ditingkatkan kepada Combat SAR. *The different colour is the additional equipment* yang diperlukan untuk menjadi *combat* terutamanya dari segi *gun*, dari segi *armour plating* dan *electronic warfare*. Inilah *cockpit instrument* yang dikatakan *should be user friendly* dan sebagainya.

Seterusnya sebagai rumusan ingin saya nyatakan sekali lagi bahawa seperti yang saya terangkan hari ini dan hari sebelumnya bahawa proses ke arah pembelian helikopter, utiliti berkemampuan SAR dan boleh ditingkatkan kepada CSAR telah dibuat mengikut peraturan. Segala aspek teknikal telah diberi perhatian yang teliti agar helikopter yang diperoleh kelak menepati keperluan keupayaan adan memenuhi keperluan doktrin.

Yang penting di sini ialah untuk kita mengambil perhatian akan tanggungjawab ATM untuk mempertahankan kedaulatan negara sama ada di dalam atau pun di luar wilayah Malaysia. Untuk itu, kerajaan hendaklah menyediakan peralatan atau pun sistem bagi membolehkan ATM menanggung atau mendukung tanggungjawab tersebut. *What I want to say now*, sekiranya kita berpegang konsep kita tidak berperang, dan pihak *navy* contohnya hanya diberi *patrol vessel*, untuk kita mengawal daripada pencerobohan oleh nelayan asing. *We won't have that capabilities* untuk membantu kapal MISC di Teluk Aden *which* kita tak sangka operasi kita pun akan sampai ke situ. *In fact, for the arm forces* kita, memang *anticipate* bila kita menyediakan keupayaan adalah *beyond the boundary of Malaysia as well*. *Thank you very much sir*.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Siapa daripada Yang Berhormat hendak tanya dahulu, mengikut senarai ini tak? *Question one, two, three...*

Dr. Tan Seng Giaw: *Start from the right, one by one.*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Simpang Renggam, Kota Belud, Ledang?

Ir. Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Pengerusi, tadi saya dapat menilai kumpulan pakar TUDM yang *verify* pembelian helikopter ini termasuk kelulusan pengalaman mereka dan lain-lainlah. Saya nampak tadi mereka juga telah membuat uji pandu beberapa jenis helikopter. Cuma soalan saya satu sahaja iaitu adakah kita benar-benar maksudnya dari segi MINDEF lah ya, adakah MINDEF benar-benar yakin bahawa kumpulan pakar ini telah pun memenuhi segala keperluan yang maksimum dari segi *verify* pembelian dan sebagainya. Di mana kita tak perlu lagi bergantung kepada pakar-pakar lain selain daripada TUDM itu sendiri. Maknanya dia telah pun mencapai tahap yang maksimum untuk kita puas hati sehinggalah kita tak perlu lagi bergantung kepada pakar-pakar lain termasuklah pakar dari luar negara. Sekian terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa inilah pakar-pakar yang ada dalam negara sebab pakar-pakar yang ada di luar sana adalah lebih kepada *commercial*. *This is military*, dan tidak ada *military* atau angkatan tentera mana-mana pun menggunakan pakar-pakar daripada luar untuk membantu membuat perolehan. Sekiranya kita memerlukan pakar daripada luar maknanya kita perlu bergantung kepada kepakaran daripada anggota-anggota tentera daripada negara-negara asing dan sememangnya tidak ada negara yang membuat demikian.

That's the reason why we have the in-house training but at the same time mereka ini mendapat *certification* daripada negara-negara atau institusi-institusi yang sememangnya diterima di peringkat antarabangsa. *In fact, not only for our helicopter*, kalau mengikut kelulusan mereka, mereka boleh dijemput *to do certification of other helicopters as well* dari luar negara.

Tan Sri Jeneral Azizan bin Ariffin [Panglima Tentera Darat]: Yang Berhormat, tambahan sedikit kepada yang ini. Kalau kita melihat balik, mengimbas balik pembelian Nuri dahulu, yang buat PDI semua ini *are non-test pilot, way back those days*. *And yet we hold and fly the aircraft and become a work-horse since today*. *Now, test pilot* semua ini *we are very*

confident that these people are giving the correct assessment. Bayangkan dahulu mana ada test pilot. And yet we fly the best of Nuri, why because it is a proven system as well. Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Saya ada satu soalan pendek sahajalah. Memandangkan penilaian yang dibuat ini adalah dibuat oleh *test pilot* yang memang mempunyai kepakaran dalam bidang ini, soalan saya adakah dalam proses penilaian di mana-mana peringkat boleh satu badan yang lebih tinggi ataupun orang persendirian *override* tak penilaian teknikal itu atau pun penilaian teknikal yang dibuat ini adalah penilaian yang muktamad dalam proses pembelian dalam kementerian ini. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Penilaian sememangnya berasaskan kepada *team* itu sahaja. Tiada mana-mana pihak yang boleh, sebab pelantikan dibuat daripada kementerian bukannya dari mana-mana agensi. Yang keduanya adalah penilaian dibuat membandingkan spesifikasi yang telah ditetapkan dengan *submission*. *So, nobody can tailored the document, the document is there*, dalam simpanan dan sebagainya, yang dikemukakan oleh pihak yang mengambil bahagia. *Therefore the team* tak boleh mengikut apa-apa untuk meminda dan sebagainya. *Thank You* Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin Jaafar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih pihak KSU. Saya nampak nada Dato' KSU agak tegas sedikit hari ini. Saya harap ia tidak berpunca daripada sebarang kemarahan yang berpunca daripada pihak PAC ini... *[Ketawa]*

Actually saya juga ada dengar *over the week* pihak TUDM menganggap bahawa *exercise* ini yang paling rapi mereka secara profesional kendalikan berbanding dengan yang dulu-dulunya. Itu saya tak mahu menafikan. Kedua, saya hendak nyatakan juga jangan sekali-kali menganggap bahawa saya atau rakan-rakan pembangkang terutamanya *backbenchers* ini menganggap bahawa pembelian ini tidak penting, bahawa keselamatan negara tidak penting. *We appreciate, we value and we are aware that if you decide today* pun benda ini tiga empat tahun baru sampai seperti mana yang dilaporkan.

But at the same time if you are doing well, we're in Parliament and PAC also want to do well. So kalau dulu mungkin PAC tak ambil berat pun tak bangkit pun, kali ini bangkitkan kerana *we are concern*. Oleh itu kita harap sama-sama memahami lah tugas masing-masing dalam berkhidmat untuk negara ini.

Keduanya, contoh pembelian *Airbus* atau *Boeing* itu saya fikir perbandingan tak tepat. *Commercial companies buying commercial aircraft have their own commercial consideration. Let CEO answer that part, you Dato' as CEO of KSU representing billions of our Ringgit should answer our own peculiar responsibilities and accountabilities.* Maknanya kalau syarikat penerbangan dia ada untungnya kalau beli, *booking* awal-awal lagi, harga murah kah, ada kepentingan untuk dia jual balik dengan *second hand value* yang tinggi kah, ada perkiraan-perkiraan mereka. Lagipun dalam dunia penerbangan awam ini ada dua syarikat sahaja.

Tuan Pengerusi: Macam biasa... *[Ketawa]*

Dato' Kamarudin Jaafar: Ada dua syarikat sahaja *Boieng* dan *Airbus*. Kita ini tujuh penender. Jadi maknanya perkiraan kita dan pilihan kita lebih luas daripada itu dan sebagainya. Jadi saya harap itu juga tidak dijadikan alasan yang penting. Yang memeranjatkan kita ialah dalam laporan yang Dato' berikan kepada kita seminggu yang lalu dengan mengatakan bahawa petender tak menawarkan pun untuk kita membuat - *so that shocked me and quite a lot of us, the mere excuse given was that the tenderer did not offer inspection*. Saya merasakan *we as the buyer have our own rights to visit or do anything*. Itu yang saya kata memeranjatkan kita sedikit.

Yang terakhirnya saya hendak tanya sama ada pihak teknikal ini mengetahui dan dipengaruhi oleh unsur-unsur harga atau pun tidak langsung. Itu soalan spesifik saya. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga sememangnya mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara kerana diberi peluang kepada saya untuk hadir dan menerangkan kedudukan bukanlah saya sebagai pegawai kerajaan boleh isu *press statement* sahaja, *cannot defend myself* ataupun kementerian dalam perkara ini.

Sebenarnya, *in fact* saya amat bersyukur diberi peluang untuk menceritakan bahawa Kementerian Pertahanan bukanlah satu perkara yang buat perkara-perkara yang misteri or *mysterious thing*. So memang benda itu boleh diceritakan tetapi apa yang saya nak nyatakan di sini terdapat had-had yang boleh diceritakan dan sesetengahnya itu tidak dapat diceritakan *especially* dalam proses ini, kerana kita mendapat *information* melalui tender secara eksklusif.

Jadi, saya menjangkakan bahawa bukan setakat kerajaan, Kementerian Pertahanan tetapi negara juga akan terjejas sekiranya terdapat maklumat-maklumat yang agak spesifik yang dinyatakan dalam dokumen tender yang telah keluar dan sebagainya menyebabkan seolah-olah itu diberi eksklusif untuk penilaian kita sahaja tapi dia berada di luar dan saya risau tentang..., orang bercakap tentang ketelusan, kita terlalu telus pula dari segi tender dan sebagainya. *However in this, I also give my coordination, in fact saya support* dalam usaha-usaha yang dibuat cumanya agak tegas hari ini sebab lepas ini saya menghadap BPR pula.

Jadi dekat mana saya hendak *concentrate* masa saya sebagai CEO as Kementerian Pertahanan, mengambil kira melaksanakan perkara-perkara yang lain juga sebab RM1 yang duit dibelanjakan adalah amanah rakyat kepada saya untuk memastikan ia dibelanjakan sewajarnya. Ingin saya nyatakan juga di antara perkara-perkara yang saya sebutkan bahawa itu adalah berdasarkan kepada dokumen, di mana pihak penender tidak memberi secara terang tarikh, tempat, dan sebagainya. Itulah sebab saya tunjukkan kos dari segi jangkakan. Kalau kita memohon, meminta, termasuk juga EC725 maknanya kita kena *approach the Ministry of Defence*. So, di antara perkara *the Ministry of Defence, France* kalau kita hendak *test the* helikopter dan sebagainya, itu bukanlah perkara yang adalah mustahil untuk dibuat,

sememangnya boleh dibuat. So, cuma apa yang saya maksudkan di sini adalah setiap perkara itu dia ada standard. Jadi benda diluluskan, maksud saya standard itu, syarikat akan dapat.

▪ **1230**

Bukan saya nak tunjukkan komersial dan sebagainya, *what I mean to say is that, they are confident. These are the manufacturers* yang kita *confident* dan kenapa tak dipilih, orang pilih Boeing, orang pilih Airbus bergantung pada masing-masing menilai keupayaan dekat mana yang dia hendak. Begitu juga kita buat di sini. Semuanya lulus. Standard, dari segi standardnya itu ada. Cumanya sama ada dia memenuhi keperluan kita di sini. Itu yang saya maksudkan.

Seterusnya ingin juga saya nyatakan bahawa contoh saya bagi, pakaian misalnya. Fasal tidak ada standard pakaian. Akan tetapi kalau kita membeli *outboard motor* untuk kita punya bot-bot meronda yang kecil, masuk sungai dan sebagainya, kita akan pakai *international standard*. Kita tak uji dah enjin-enjin itu. So yang pentingnya bila kita pakai dan ianya tidak..., sekiranya maknanya *they don't meet the standard. So that is the fault. The fault* ataupun kesalahan dari segi *manufacturing itself*. So itu yang saya maksudkan *the standard. We have to rely on standard* dan benda ini telah kita uji dari semasa ke semasa. Itulah kedudukannya. Sebab saya bukan apa..., ialah kita manusia membaca juga di dalam surat khabar. Dengar itu. Jadi orang bagi contoh macam *test kereta*, tetapi *the point is that*, kereta yang duduk dalam *showroom*, kita *test*. Bila kita *order, we are not getting that car*. So, masih kereta daripada kilang dibuat, hantar *sampai* kepada kita *and we don't go and take that car* pula. Pergi *check* betulkah *it is approved by the Malaysian standard* kah atau mana?

Tuan Pengerusi: Soalan, ya soalan. *Strategically*, kalau kita *test* sebelum kita *order*, orang yang hendak menjual itu lebih mencuba hendak menunjukkan yang terbaik. Akan tetapi apabila kita *test* selepas kita sudah *order, we are put in a weaker position. I mean that is in theoretical sense* lah. Kita sudah *order*, dia sudah *deliver*. Kita hendak *check* berbanding dengan kita belum *order*, kita *check*, yang mana lebih..?

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: No..

Tuan Pengerusi: Saya tahu masalah yang kita hendak *check* sebelum itu tetapi *position* kita itu lemah apabila kita sudah komited. Itu yang kita hendak...

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan, setiap perolehan kita adalah sehingga di negara asal sahaja, *transportation cost* kita buat. Jadi sebelum kita pastikan kita *engage transport operator* untuk bawa barang-barang kita itu, kita buat ujian di negara tersebut iaitu dipanggil *pre-delivery inspection*. Pakar-pakar akan pergi dan membuat *delivery inspection*. Sekiranya ia tidak memenuhi *spec*, dia akan bagi *they won't sign that acceptance and no payment will be made*.

Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang]: ...*But assuming kita reject because of non compliance at that point of time*. Kita hanya melambatkan *delivery* yang mengikut keperluan kita. *So we are extending the misery of having the old equipment to use just because we do not*

perform a physical test. Saya faham itu, okey. PDI ini semua saya faham but we are having timeframe bertahun-tahun. So if delivery say.. What is the first delivery, in two years?

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: *Three years.*

Dato' Kamarul Baharin Abbas: *In three years. So in three years you are going to do the test. Then katalah kita reject because of non-compliance. Then we have what? Another two years to think about..., maksudnya why can't we do something, because, jangan kita buang masa. We support this purchase. We are not questioning whether you buy or don't. We support the purchase. If that is the requirement of the nation, we will support the purchase but we just want to make sure that the purchase done, because perception itu we cannot avoid. Fasal banyak pembelian daripada MINDEF dahulu memberi masalah. Ada sebut pembelian A-4, Skyhawk A-4, masih lagi terumbang-ambing, pembelian Scorpene, tanks, lepas itu rifle, dahulu pakai M16, selepas itu tukar kepada Steyr. Sekarang ini hendak tukar balik. Ini menimbulkan persepsi yang tidak baik mengenai dengan pembelian daripada MINDEF. So since we are here. Bukan kita tak sokong, kita sokong but as long as you follow the procedure, which is our responsibility to ensure that the procedure is followed properly and we understand that you have followed it and we are convinced.*

Itulah sebabnya ada *question* mengenai dengan *evaluation critical requirement for example*. Saya baca juga tadi ini *definition of critical requirement* yang ditulis di sini, perkara-perkara mandatori yang wajib dipatuhi. *In another word, it is compulsory. Now, katalah penilaian dia 87% and I want to know properly, 13% yang non compliance itu apakah itu akan membahayakan pengguna helikopter itu, right? But no way of me knowing it. I have to rely on the wisdom and judgement of the people who are going to use this.* Itu sebabnya yang kita hendak faham ini. *Because we have to answer to..., I am sure Tuan Pengerusi akan memberi satu kesudahannya nanti and be able to answer every question put forward by the public.* Jangan kita salah sangka. *I am for this purchase, but yet, at the end of the day, akan menggugat kesempurnaan pembelian kita ini. Terima kasih Yang Berhormat.*

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *Hendak tambah sedikit. Sebab this non compliance things, kalau katakan selepas delivery sahaja kita buat semakan atau checking, kalau ada non compliance yang sedikit, there is not much we can do. We can't because katakan the maximum speed is 200 nautical miles per hour. Selepas delivery is 180, takkan kita delay 3 tahun lagi. Kita "terpaksa" kena ambil dan go through the legal atau apa proses untuk mendapatkan compensation atau wang pampasankah apa-apa. Do we have to go through that process?*

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: *Okey Yang Berhormat. Apa yang saya hendak sebutkan sekali lagi di sini, kita test kah tak test helikopter, the helikopter yang kita test bukan dibuat waktu itu and we will get the helicopter yang kita test. The helicopter will be manufactured. So satu yang kata dia buruk, tak buruklah. Because yang kata tiga tahun lead time itu, the time they need to manufacture the helicopter, so helicopter itu will be ready. Bila sampai itu dia panggil*

kita untuk *check and that is the new helicopter, not the one that kita sudah test* ini. Okey, dia mempunyai *characteristic*. Bila kita bersetuju nanti dalam dia membuat *construction* atau membuat helikopter tersebut, kita akan melantik *project team*. *Project team* akan duduk di negara itu dan dia tengok *the stages* yang dia buat. Begitu juga kita buat. Sekarang ini kita ada *project team* untuk A400M, *project team* untuk Sukhoi. *Project team* untuk kereta kebal, *project team* untuk kapal selam. Mereka ada di sana. Memang dia pergi, dia proses, proses, proses.

Yang dia katakan dari segi *the vital condition not met* itu, ia takkan berlakulah. Sebelum balik *the test pilot will go and test* dan sebagainya, *then satisfied everything, then kita certified* baru kita bawa balik. *So this is the process, the stages* yang kita buat itu.

Tuan Pengerusi: Okey Yang Berhormat daripada Tumpat tadi sudah habis soalan? Okey, *since we are already on Telok Kemang, continue Telok Kemang. Or you, anymore?*

Dato' Kamarul Baharin Abbas: *Okey further to that lah. Further to what I have said. If that has been followed, if that has been the policy and the procedure adopted by Ministry of Defence, why are we having problems with previous purchases?*

Tuan Pengerusi: *Purchases, example?*

Dato' Kamarul Baharin Abbas: *Like the Skyhawk A4, Scorpion tanks, why having problem? Was it a technical problem, was it what..., I mean what is the problem? If we followed the procedure, as spelled out which I appreciate, I think this the best way that you have mentioned it very clearly. I am quite convinced now that the procedure has been followed but my question is, this is something that I have to convince myself. You had followed the same procedure as you have mentioned, why are we having problems with the previous purchases, when the things are delivered, and we find that we cannot use them...?*

Tuan Pengerusi: *For example, Scorpion tanks itu. Dia punya gun, cannot mount on the tank, was not suitable. I wonder whether my information was correct.... That is what one of the example that was asked by Yang Berhormat tadi.*

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: *Sir, I am so sorry sir because kita tak prepare for all those things sebab saya diminta for this purpose ...*

Tuan Pengerusi: *No, the ministries should have institutional memory. The institutions must have memory, why you make mistake? Ada tak that memory bank-in the ministry?*

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: *I can't remember sir. I don't have. Because semuanya berdasarkan kepada dokumen di dalam fail for that evaluation. We need to go back and interview those people because I may not prepare for those case. Ini dibawa untuk perolehan Eurocopter seperti mana tajuk diberi kepada saya. I am so sorry Yang Berhormat tentang perkara ini because...*

Tuan Pengerusi: Okey lah, *just close to the point today is regarding Air Force, TUDM ini. What is the problem with A4 purchased?*

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: *A4, the Skyhawk?*

Tan Sri Jeneral Azizan bin Ariffin: *I am not a fighter pilot Yang Berhormat. I'm a transport pilot basically. Now Skyhawk is not a manufactured aircraft yang kita beli. Skyhawk is a second-hand aircraft yang kita beli which was lying down in the desert. We bought it because it is cheap. We bought it at that time probably, probably..., I am not privy to the decision making, I am not privy to the committee ataupun penilaian semua ini. It is just probability like what Yang Berhormat is saying, it is just a probability. Asking a questions of which sometimes kita tak boleh hearsay sangat ataupun not competent, I am not very comfortable to answer but if you based it on hearsay, I also can go on hearsay because this is a second-hand aircraft, we bought off when it was cocoon in the desert. Kita suppose to beli I think, tak salah saya 84 tapi we got only 44, I think.*

Then we came back, the aircraft is supposed to be for upgrading. Air Force put the requirement for upgrading but at that point of time, the money pun tak berapa cukup. So we accept whatever it is and we do upgrading by process, by phases. Eventually it went up to the point where we want it to be. But then, the fact that the Air Force requirement at that time was to upgrade the aircraft because it is old. So that one is not out of the manufacturer punya development. It is an old aircraft yang kita beli. So the fact that the Air Force submit our requirement to upgrade. That is how teliti we are going to but then, the money tak ada, we were bogged down with the 44 system..

Tuan Pengerusi: *That is exactly why this question was ask. I can understand. Sedangkan yang sudah siap pun, yang sudah ada pun, yang boleh di test on the spot, pun we made mistake. What about those yang you tak ada, you hendak test? That is what Telok Kemang is trying to said. We made some mistake, I don't know. But I think the ministry should have some institutional memory what mistake we have made. So that, we won't go through the same mistakes again. Telok Kemang you have anything else?*

Dato' Kamarul Baharin Abbas: Mengenai jawatankuasa?

Tuan Pengerusi: Berkaitan dengan Telok Kemang tadi, yang Skyhawk tadi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Skyhawk kalau tak salah saya, kita *purchased* 20 tahun yang lalu. Cuma saya hendak tahu pada masa itu, adakah kita mempunyai kepakaran yang lengkap untuk memandu uji ataupun *verify* Skyhawk pada masa itu? Sebab pada masa itu pun saya nampak pembelian seolah-olah macam tergesa-gesa. Ini cuma pun mungkin *hearsay* tetapi persoalan saya, adakah pada masa itu kita ada kepakaran sebagaimana kepakaran yang kita ada pada masa sekarang? 20 tahun lebih yang lalulah, zaman masa saya bersekolah juga.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed: Boleh tambah sedikit Tuan Pengerusi. Saya rasa kita hadkan perbincangan kita kepada fakta dan bukan kepada *hearsay* dan juga hadkan perbincangan kita kepada *subject matter* sahaja. Kerana saya risau nanti apa-apa perkara yang kita bincang dalam mesyuarat ini akan ditulis secara *verbatim* dan mungkin akan disalah anggap oleh pembaca minit kita ini dan mereka sampai kepada *conclusion* yang salah dan juga yang di

luar dari bidang kuasa kita. Saya harap dua perkara ini dapat kita beri perhatian, *observe*. Terima kasih.

■1245

Tuan Pengerusi: *Yes, I understand that those items were public knowledge actually. What we would like to see is that kementerian ada institutional memory what the mistakes were made in those years that we will not repeat. I mean that is what Yang Berhormat Telok Kemang is trying to say, am I right? So, kalau kita tidak ada memory itu, then we will continue making mistake.*

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed: Tuan Pengerusi, daripada apa yang saya dengar taklimat daripada Datuk Panglima Angkatan Tentera tadi beliau mengatakan bahawa dahulu tidak ada penilaian daripada pakar. Maksudnya prosedur daripada kementerian saya rasa sentiasa...

Tuan Pengerusi: *Improve...*

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed: ...Di *improvekan* dari masa ke masa. Jadi kita pun tidak boleh buat andaian sekarang pada perkara-perkara keputusan yang dibuat 20 tahun dahulu. Yang penting sekarang ini, untuk penilaian pembelian helikopter ini, ia lebih dibuat lebih rapi dengan input yang diberikan oleh pakar-pakar dalam kementerian. Itu saya rasa yang penting dan kita patut berikan perhatian dan kita tidak lari daripada perbincangan tersebut, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Telok Kemang, *are you satisfied, now the present purchase the way it's been done is not like before.*

Dato' Kamarul Baharin Abbas: *That's why we have this inquiry right?*

Tuan Pengerusi: *Ya, from the answers given, are you happy with it?*

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat, apa yang saya hendak maksudkan di sini saya mengambil perhatian daripada cadangan yang di sini, saya mengambil perhatian cadangan Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kita akan menyediakan *the institutional memory* seperti yang dikehendaki. *In fact for* Yang Berhormat Tuan Pengerusi punya *information we have tried and in the process*, dia termasuk kita punya *mission statement* dari segi pembangunan ICT sehingga tahun 2010.

Untuk menjawab satu soalan tadi iaitu sememangnya pihak Jawatankuasa Teknikal tidak mengetahui harga setiap tawaran yang dikemukakan. Itu adalah hanya dalam pengetahuan Jawatankuasa Penilaian Harga. Terima kasih.

Tan Sri Jeneral Azizan bin Ariffin: *There is one more point to add Tuan Pengerusi. The biggest lesson learned as far as the Air Force is concerned, is that it is an open international tender, that is the biggest lesson learned, thank you, as suppose to what happen before.*

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: *I think the comments that have been made earlier; I don't think any of the Members here are opposing the purchase of the helicopter. In fact I'm sure we would support if it's needed for the service and defends for the countries. What we are concern, whether we are paying too much and the process has not been followed. I see from the taklimat here, in the testing you have five days program in all the various countries that means you have a standard procedure for the testing.*

The testing that I have reminded is you are comparing the different tenderers. Your testing is to decide which of the helicopters to purchase. That is different from a testing after you're already purchase because then you are testing for compliance. So, here if you are testing to compare which of the tenderer although Eurocopter may have 86% compliance, but in other 67% compliance, but in your testing it shows that 60% is just as good and maybe cheaper, would they not affect the results of your recommendations? That is the first question. The second question is, who made the decision not to carry out the testing?

Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang telah saya nyatakan bahawa *there is a program* untuk *testing* sekiranya kita buat. *Testing* yang kita buat adalah untuk *to confirm is based on the* helikopter yang ditawarkan juga *testing*. Sama ada kita buat *testing* sewaktu sebelum atau selepas *that is the same helicopter which* seperti mana gambar-gambar yang telah ditunjukkan tadi bahawa memang *testing* sentiasa dibuat untuk memuji keupayaan helikopter satu helikopter berbanding dengan helikopter yang lain. *For these process, not only this helicopter, in fact* kalau mengikut *database* yang ada pada kita, kita *have been tested so many other helicopters as well*. Itu adalah sememangnya dalam rekod kita.

Untuk membuat keputusan untuk berhubung dengan harga yang mana lebih murah lebih mahal, *team* yang membuat *testing* seperti mana yang kita tahu, dia tidak tahu harga sebab ini adalah berdasarkan *international open tender*. *Nobody knows about the* tender harga yang dimasukkan dalam peti tender itu tersebut. Sama ada dia mahal, murah dan sebagainya adalah bukan pengetahuan kita sehingga kita membuka oleh Kementerian Pilihan Harga dan keduanya apabila dibentangkan kepada Lembaga Perolehan 'A'. Itulah harganya, kita tidak tahu harga di dunia dan sebagainya.

For that purpose, that is the quotation of the company and apabila dibuat pada waktu itu, itulah pilihan kita. Seperti mana yang telah kita bentangkan berdasarkan kepada penilaian-penilaian teknikal yang telah kita buat tiga helikopter yang memenuhi keperluan ataupun doktrin yang telah kita tetapkan atas tujuan untuk melaksanakan tugas seperti mana yang saya sebutkan iaitu *from SAR upgraded to Combat SAR*. Saya tidak menafikan bahawa bukan bermakna helikopter-helikopter itu tidak baik, tetapi dia tidak sesuai. Kita buat penilaian dia tidak sesuai bagi tugas ini.

Kalau hendak ikut saya punya pandangan biasa, helikopter China memang bagus dari segi *engineering*. *Of course* dari segi untuk *fit in* dalam kita punya spesifikasi ia di luar. Oleh itu

dia tidak dapat markah banyak. Maksudnya bukan tidak dapat markah banyak bukan bermakna dia tidak bagus, dia tidak dapat markah itu *to fit in into that*. Macam saya katakan tadi, sekiranya di Malaysia kita hanya PV, *patrol vessel* untuk jaga kawasan perairan kepada nelayan menceroboh, memang sudah cukup untuk nelayan, tidak ada kelengkapan yang dibuat. Akan tetapi kalau *patrol vessel* kita hendak hantar ke Teluk Aden hendak *escort* kapal kita daripada dirompak oleh lanun, tidak boleh.

Jadi selepas meneliti semua dokumen tersebut secara terperinci yang telah saya nyatakan tadi, Kementerian Kewangan telah pun membuat keputusan bersetuju dengan perakuan Kementerian Pertahanan iaitu untuk menerima tawaran tender Eurocopter France pada harga RM1.604 bilion tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Kementerian Pertahanan hendaklah merundingkan harga ke paras terendah dan menguntungkan kerajaan, tetapi tidak melebihi harga yang ditawarkan iaitu berjumlah RM1.604 bilion;
- (ii) hasil daripada rundingan hendaklah diperakukan oleh Lembaga Perolehan 'A' Kementerian Pertahanan dan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan; dan
- (iii) peruntukan bagi perolehan tersebut telah diluluskan dan mencukupi.

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC yang dihormati sekalian, Kementerian Kewangan telah membuat keputusan tersebut berdasarkan kepada semakan yang dibuat ke atas kedudukan harga tujuh petender yang diterima oleh Kementerian Pertahanan untuk perolehan ini mengikut susunan. Di mana tawaran harga yang terendah adalah dari Bell Helikopter (USA) dengan harga RM714.8 juta dan harga tertinggi iaitu *the Boeing Company* (USA) sebanyak RM2.847 bilion dan kita juga telah mengambil tindakan Kementerian Pertahanan yang telah menyenaraipendekkan tiga petender daripada tujuh petender tersebut setelah penilaian teknikal dan juga *offset* dilakukan iaitu:

- (i) Agusta Westland dengan harga RM2.442 bilion;
- (ii) Eurocopter France dengan harga RN1.604 bilion; dan
- (iii) Sikorsky International Ops Inc dengan harga RM1.263 bilion.

Keputusan Kementerian Kewangan untuk bersetuju dengan perakuan Kementerian Pertahanan adalah berasaskan kepada prinsip-prinsip berikut:

- (i) ianya memenuhi spesifikasi teknikal pengguna terutamanya spesifikasi kritikal dan mandatori;
- (ii) memperoleh markah penilaian teknikal tertinggi;

- (iii) memenuhi keperluan keselamatan penerbangan iaitu *flight safety*; dan
- (iv) tawaran Eurocopter adalah *the lowest acceptable bid*.

Walau bagaimanapun, bagi perolehan ini pemarkahan penilaian teknikal tertinggi menjadi asas penentu dalam pemilihan ini dan tidak boleh di kompromi kerana ianya melibatkan keselamatan anggota keselamatan dan juga negara.

▪ **1500**

Kementerian Kewangan bersetuju Eurocopter dipilih berasaskan perakuan Kementerian Pertahanan iaitu helikopter EC725 yang ditawarkan menepati pematuhan spesifikasi teknikal, *compliant to critical requirements* yang tertinggi 86.32%. *Non compliant* kurang daripada 2% dijangka tidak memudaratkan aspek keselamatan penerbangan dan keupayaan pesawat. Dua harga yang ditawarkan iaitu RM1.604 bilion adalah komprehensif dan terperinci merangkumi kos pesawat, *initial spares, tools, test equipments, publications, dan supplementary articles* atau peralatan tambahan bagi penugasan SAR iaitu *search and rescue, technical support services* dan latihan. Kesemua peralatan boleh dibekalkan tanpa sebarang syarat. Tiga, kurang risiko kegagalan dari segi perolehan.

Ini melibatkan tempoh penghantaran dan juga kos. Pesawat EC725 telah terbukti bagi operasi ketenteraan atau *military mission* penggunaan dan juga oleh French *Armed Forces* sebagai *helicopter SAR* dan juga CSAR di Afghanistan dan juga di Iraq. Keempat, program *offset* bernilai RM78.67 juta atau Euro15.6 juta telah ditawarkan semasa pembidaan didapati terbaik oleh Bahagian Industri Pertahanan. *Maintenance, repair* dan juga *overhaul* atau MRO, sedia ada mampu melibatkan syarikat tempatan dalam industri penyelenggaraan, pembuatan dan juga pembangunan simulator penerbangan dalam waktu masa yang singkat.

Kementerian Kewangan bersetuju tidak menerima tawaran Sikorsky International kerana ianya hanya mematuhi spesifikasi teknikal, *compliant to critical requirements* sebanyak 67.72% iaitu rendah daripada apa yang ditawarkan oleh Eurocopter. Terdapat 18 *critical requirements* meliputi 8% daripada jumlah *requirements* telah gagal dipatuhi atau *non-compliance*. Tahap margin yang minima dikhuatiri boleh memudaratkan atau *degrade*, aspek keselamatan penerbangan dan keupayaan pesawat untuk penugasan ketenteraan SAR seperti yang ditetapkan oleh pengguna iaitu *more than 60% on compliant to critical requirements and less than 10% on non-compliant to critical requirements*.

Risiko perolehan yang tinggi. Iaitu tempoh penghantaran dan juga kos. Pesawat yang ditawarkan S92 untuk penugasan *military version* masih di peringkat pembangunan. Kelewatan penghantaran pesawat selama 30 bulan dan penambahan kos kepada kerajaan Kanada untuk *redesign of engine and rotor system* dalam usaha untuk mempertingkatkan pesawat kepada *military mission*. Harga *supplementary articles* peralatan tambahan tidak diperincikan iaitu diberi secara anggaran dan pukal atau *not itemized*. Harga sebenar, tempoh waranti termasuk kos

pemasangan, integrasi dan pentauliahan dan sokongan logistik tertakluk kepada kelulusan *United States Congress Armed Export Control Act*.

Sebahagian *supplementary articles*, peralatan tambahan dan juga penugasan SAR tidak dibekalkan sekiranya tidak diluluskan oleh AECA. Sementara itu tawaran Agusta Westland tidak disokong kerana tawaran harga bagi pesawat EH101 terlalu tinggi iaitu RM2.44 bilion. Ini melebihi siling peruntukan sebanyak RM1.75 bilion yang diluluskan oleh EPU, JPM. Berikutan dengan keputusan Kementerian Kewangan tersebut, Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan LOI yang membolehkan harga dirundingkan ke paras yang terendah.

Juga membolehkan perundingan *credit value package offset* ke paras optima yang menguntungkan kerajaan. Proses di atas juga membolehkan kerajaan mendapat *best value for money* dan hasil rundingan harga diperakukan kepada Lembaga Perolehan A, Kementerian Pertahanan serta seterusnya dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan secara muktamad.

Akhir sekali Surat Setuju Terima, LOA dikeluarkan oleh Kementerian Pertahanan. Tuan Pengerusi, dan ahli-ahli PAC sekalian, berdasarkan taklimat ringkas saya tadi, Kementerian Kewangan mendapati keseluruhan proses tender yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan adalah teratur dan mematuhi prosedur perolehan kerajaan yang berkuat kuasa semasa.

Jadi, akhir kata saya mewakili Kementerian Kewangan sekali lagi mengucapkan berbilang-bersang terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk memberikan taklimat kepada pihak PAC mengenai perolehan helikopter oleh Kementerian Pertahanan. Saya berharap taklimat ini yang telah diberikan akan membantu PAC dalam perkara ini dan pihak kami akan sentiasa bersedia untuk membantu, untuk menyediakan apa jua penjelasan lanjut yang diperlukan. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Tan Sri. Sekarang saya bukalah soalan. Kita buat soalan dari kanan seperti biasa. Yang Berhormat Simpang Renggam.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya, saya tengok sini tender deposit syarikat antarabangsa adalah RM1 juta. Untuk syarikat Malaysia berapakah nilainya dan macam mana kementerian menentukan amaun tender deposit ini. Sebab saya rasa RM1 juta kalau hendak banding dengan RM1.75 bilion ini terlalu rendah dan soalan ketiga, kita memang difahamkan ada 47 petender yang mengambil bahagian. Jadi tujuh sahaja yang berjaya memulangkan tender. Jadi yang 40 petender itu, apa yang kita buat dengan tender deposit itu? Adakah dia *forfeit* kan ataupun cuma pulangkan sahaja amaun ini. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, minta jawab dahulu Tan Sri.

Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah: Saya silakan Datuk Zalekha untuk menjawab.

Datuk Zalekha Hassan [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, tender deposit untuk tender antarabangsa telah ditetapkan mengikut pekeliling yang sedia ada, *its a fixed sum*. So, MINDEF telah mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam pekeliling. Bagi syarikat tempatan, syarikat tempatan memang tidak dikenakan apa-apa deposit untuk menyertai sebarang urusan perolehan kerajaan disebabkan mereka dikehendaki mendapat pendaftaran daripada Kementerian Kewangan. So, ada elemen *of check and balance* di situ tetapi bagi tender antarabangsa, syarikat-syarikat ini tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Oleh itu mereka dikenakan tender deposit. *This is a normal practice for all international tender*. Mengenai...

Tuan Pengerusi: *One question, one question. Is it internationally accepted practice at international level?*

Datuk Zalekha Hassan: Yes.

Tuan Pengerusi: *Other countries also do the same?*

Datuk Zalekha Hassan: Yes. For your information, kita mematuhi standard *practice* tender antarabangsa mengikut forum APEC, Asia Pacific Economic Council dan kita punya adalah mengikut standard yang ditetapkan. *That's why our website on perolehan is available worldwide through the link of APEC*. Pekeliling kita yang terbaru 5/2007, kita pinda pada tahun 2007 supaya selaras dengan *international practice*.

Tuan Pengerusi: Okey, thank you.

Datuk Zalekha Hassan: Pada Kementerian Kewangan, kita hanya maklum bahawa hanya tujuh penender mengemukakan *bid*, mengemukakan tawaran. Kita tidak ada maklumat mengenai 47. *But in actual fact, any company is free to purchase, but they are not bound through purchase that they must submit the bid, no*.

Tuan Pengerusi: Soalnya, apabila dia orang ambil borang dia kena bayar RM1 bilion ataupun dia bayar RM1 bilion berapa dia *submit* tender.

Datuk Zalekha Hassan: Tuan Yang di-Pertua, bila hendak *submit* tender.

Tuan Pengerusi: *Submit* tender. Yang Berhormat, faham ya. Apabila dia ambil borang dia bayar sedikit, dia ada *charge* untuk borang. Apabila dia *submit* tender dia bagi tender deposit.

Datuk Zalekha Hassan: Sekarang untuk borang tender RM0.50 untuk satu muka surat, *that is the standard rate, so depending how many muka surat but maximum* ada kita *capped* minimum RM50, berapa muka surat ikut RM0.50 *per page*.

Tuan Pengerusi: *Next one* Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Tuan Pengerusi, soalan saya ini terus berkaitan dengan jumlah tawaran iaitu RM1.604 bilion. Pertama sekali dalam bahagian keputusan Kementerian Kewangan ya, bersetuju meluluskan tender sebanyak RM1.604 bilion tetapi ada juga *clause* yang dimasukkan iaitu harga dirundingkan ke paras terendah. *Meaning that, are we saying here that the tender amount is awarded but the vendor is still allowed or*

requested to renegotiate the price downward. My second question is, the tender amount RM1.604 billion includes pembelian peralatan iaitu peralatan spare parts to the tune of RM449 million. Dalam taklimat yang diberikan oleh Kementerian Pertahanan, option untuk helikopter ini ialah kepada SAR dan juga CSAR. So, pertanyaan saya ialah keputusan muktamad Kementerian Pertahanan adalah sama ada ianya setakat SAR ataupun CSAR. Kerana ini ada kaitan langsung dengan jumlah RM449 million iaitu peralatan. What level you want to upgrade will determine the amount of peralatan that you want to buy. Thank you.

Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah: Terima kasih, harga yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan ialah RM1.604 bilion tetapi kita bubuh syarat supaya kementerian dan juga penender tersebut masih boleh rundingkan harga dan kalau harga yang terendah to maximize keuntungan pihak kerajaan, itu cap yang kita bagi but we can still negotiate for the lowest price.

Datuk Zalekha Hassan: Boleh saya tambah? Harga yang diputuskan oleh Kementerian Kewangan juga mengambil kira peralatan tambahan itu.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing: *My second question?*

Datuk Zalekha Hassan: Ya, that means its inclusive of the SAR and CSAR. But in any case, dalam syarat kita ada menetapkan bahawa ia perlu bawa balik harga yang telah dipersetujui semasa rundingan, bawa balik kepada Lembaga Perolehan dia di mana wakil Kementerian Kewangan ada dalam Lembaga Tender berkenaan dan seterusnya kemukakan balik perakuan kepada Kementerian Kewangan untuk Kementerian Kewangan teliti semula untuk beri kelulusan muktamad. Dalam Kementerian Pertahanan mengadakan rundingan itu, mereka sebenarnya walaupun MOF menetapkan harga siling RM1.604 bilion, tetapi atas keperluan-keperluan khusus untuk keperluan teknikal tadi, dia memang ada leeway untuk menokok tambah peralatan-peralatan tertentu. *The only thing is when they come back to the board, when they come back to MOF they have to justify. We will go for element of best value for money.*

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing: *Sorry, meaning that. Do we understand to the fact that eventually, pada akhirnya, cek yang Kerajaan Malaysia akan bayar itu tidak semestinya RM1.6 bilion, kan?*

Datuk Zalekha Hassan: Yes.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing: Okey, thank you.

Datuk Zalekha Hassan: Also, if I may explain Tuan Pengerusi, di sini RM1.6 bilion or whatever based on harga asas dan harga peralatan itu sebenarnya kita will get more value if we take into consideration harga credit value for offsets tadi. Kita ada panduan bahawa offsets punya harga, credit value a minimum 10% of total contract value must be obtained by the agency but that doesn't stop them from getting more than 10%.

■1515

So, in actual fact you can contra that, if you want to get the actual value of procurement because the value for offset, we don't pay, they bare the cost.

Tuan Pengerusi: *Hendak tanya, tambahan to your questions. 5% offset value ini is it 10%? 78.67 against RM1.60 billion I thought its 5%.*

Datuk Zalekha Hassan: *Itu yang diperoleh minima pada masa tawaran dikemukakan oleh penender. So we are to negotiate to maximize that to peringkat optimum. Minimum 10% of contract value, itu just macam opening price sahaja itu.*

Tuan Pengerusi: *Subject to negotiation lah? Okay. Is 10% of standard offset value everywhere?*

Datuk Zalekha Hassan: *Itu panduan yang dikenakan oleh Kementerian Kewangan berasaskan kepada international practice also 10%, but biasanya kita will trying get more.*

Tuan Pengerusi: *Okay, Yang Berhormat?*

Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah: *In most cases normally kita akan dapat much more then the original offer value.*

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing: *Just want to clarify one point.*

Tuan Pengerusi: *Yes, yes.*

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing: *In addition to my question. Are we saying that when the helicopter eventually given to Malaysia, we're having a helicopter with CSAR capability. Is that the objective of Kementerian Pertahanan?*

Datuk Zalekha Hassan: *If there is the specification we will make to understand that is their specification when they put up the technical specification to the bidders and the supplementary equipment is to enable that function.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *From just now what we discuss in earlier section, the comment made was that the helicopter has be CSAR ready tetapi harganya tidak termasuk alat peralatan yang akan dibeli untuk CSAR purposes. That's what I think understood.*

Tuan Pengerusi: *Combat tidak ada specification to the...*

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *Tidak ada combat, it's not included in this current tender price. The only condition in there is it should be available for upgrade kalau ada, kalau kita minta. From the earlier clarification, the spec to purchase does not include any combat capabilities. Ya, tidak ada combat capabilities.*

Datuk Zalekha Hassan: *Our price RM1.604 up to SAR punya capability. That doesn't stop them...*

Tuan Pengerusi: *Search and Rescue, not combat.*

Datuk Zalekha Hassan: *Ha, SAR, Search and Rescue.*

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing: *Ini kita kena clear because it is a shared question sama ada dia up to combat stage or SAR sahaja. That is worth by the RM4.49 million.*

Datuk Zalekha Hassan: *The perakuan from MINDEF is for SAR but then again Tuan Pengerusi, back to modus operandi for negotiation tadi, kalau MINDEF melihat bahawa ada peluang untuk dia maximize harga untuk dapatkan sampai ke CSAR sekali pun, dia memang mampu buat begitu tetapi hanya tertakluk kepada kelulusan MOF. They have to justify lah. As it is our approval is based on SAR and then its RM1.604.*

Tuan Pengerusi: *But will that price exceed RM1.6 billion? What if that price exceed RM1.6 billion?*

Datuk Zalekha Hassan: *They cannot go beyond the ceiling.*

Tuan Pengerusi: *Cannot go beyond RM1.6?*

Datuk Zalekha Hassan: *No the ceiling or EPU tadi RM1.7...*

Tuan Pengerusi: *RM1.7, okay.*

Datuk Zalekha Hassan: *Okay, they can go beyond it cuma tertakluk kepada kelulusan MOF and they have to justify why, melebihi RM1.604.*

Tuan Pengerusi: *The chances it will go beyond? That would be my question.*

Datuk Zalekha Hassan: *That one very technical, technical requirement of MINDEF. That's why I said they will have justified to us why the price has gone up based on ciri-ciri apa yang ditambah.*

Tuan Pengerusi: *Tadi kita patut tanya dengan technical but from talks outside, they say when you discuss the negotiate thing will go up not go down. So I hope Kementerian Kewangan will bare in mind.*

Datuk Zalekha Hassan: *That one mungkin dalam urusan perundingan terus dan yang lain-lain, tetapi kalau melalui urusan tender, very clear you have to reduce the price, understood. There is implied in our letter.*

Tuan Pengerusi: *So, conclusion is that the price cannot go beyond RM1.604.*

Datuk Zalekha Hassan: *Because they have to justify kenapa pula naik? Kita sudah jelas menyatakan tidak boleh melebihi, based on existing spec, kecuali keperluan teknikal dia berubah atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan...*

Tuan Pengerusi: *Itu yang hendak dipastikan itu sebab yang tidak dapat dielakkan itu boleh, kita bukan ahli-ahli perang di sini.*

Datuk Zalekha Hassan: *Sama juga MOF Tuan Pengerusi. Ya lah, think Yang Berhormat, you have anything else? Yang Berhormat, okey ada lagi.*

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing: *I only just want to get clarification on this. Baru-baru ini ada kekeliruan tentang the jumlah in Parliament and public, these three figures given RM1.1, RM1.6, RM1.7. So now looking at the paper, can I get confirmation that RM1.1 is the basic price is it? Rm1.6 is the tender value, RM1.7 is the peruntukan punya ceiling bukan? To clarify the public.*

Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah: Okey Tuan Pengerusi, harga RM1.1 billion ialah harga yang dipamerkan semasa jadual buka tender. Harga ini adalah harga standard, kos pesawat sahaja tidak termasuk harga bagi *the other supplementary articles*. Manakala RM1.604 tadi ialah harga siling yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan iaitu harga siling yang kita bincang tadi lah, RM1.604. Harga siling ini ialah berasaskan kepada harga keseluruhan, *which includes supplementary articles* tetapi tidak termasuk kos pengangkutan. *There also* harga yang di *quoted* juga, RM1.708 oleh MINDEF. So RM1.607 ini ialah jumlah harga yang termasuk pengangkutan. *So that's why* perbezaan tadi.

Tuan Pengerusi: Pengangkutan dari sana ke mari?

Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah: Yes.

Tuan Pengerusi: Okay, Yang Berhormat Kota Belud?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Tan Sri KSP, saya ada beberapa soalan. Pertamanya ialah keputusan Menteri Pertahanan untuk menangguhkan ataupun *I think* tangguhlah *rather then cancel of the contract*. Jadi soalan yang selalu kita bertanya di sini ialah *validity of the price is up to February next year. If the government continues or decide to go ahead with this contract maybe next year will the existing tender still valid as far as Eurocopter is concern, that's my first question.*

Keduanya ialah saya terbaca di sini yang mengatakan bahawa Lembaga Perolehan A Kementerian Pertahanan yang bersidang pada 22 Julai 2008, tidak mencapai keputusan sebulat suara. Dua ahli-ahli memilih Eurocopter, seorang lagi memilih Sikorsky *and therefore they will have to refer this to* Kementerian Kewangan mengikut ayat yang ditulis di sini. *My question is, jikalau ketiga-tiga orang ahli-ahli panel ini bersetuju, do they still have to refer* Kementerian Kewangan? *That's my second question.*

Ketiganya ialah yang disebut juga tadi oleh Tuan Pengerusi iaitu selepas LOI ini, apakah harga masih boleh dirundingkan? Kalau menurut di sini dikatakan ialah berikutan dengan keputusan Kementerian Kewangan, Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan surat niat bagi membolehkan harga dirundingkan ke paras terendah. *Are we to decide here or believe that we can still negotiate the prices down below RM1.604.*

Terakhir Tuan Pengerusi, *I look at* Tan Sri punya *presentation, I must thank you. I think on the technical*, dari segi peraturan, tatacara tender kementerian *I don't think that anybody says that* ada peraturan yang dilanggar. Akan tetapi saya berpendapat tujuan kita mengadakan Mesyuarat PAC ini adalah antara lain, apakah keputusan Kementerian Kewangan meletakkan harga pada RM1.604 itu adalah keputusan yang terbaik. *Do we know that this is the best price that we can get as far as this purchase of helicopter I concerns.*

I think dari segi tatacara peraturan, saya pasti Kementerian Pertahanan dan juga Kementerian Kewangan tidak menyalahi apa-apa peraturan. *It's very detail and is a standard*

procedure. Cumanya RM1.604 itu, apakah harga itu adalah harga yang terbaik untuk kerajaan membayar. I think that's the main point here. Thank you sir.

Datuk Zalekha Hassan: Tuan Pengerusi, *on the validity* tadi memang *validity period is up to 11 February 2009, after which period, it will lapse*. Tender itu dengan sendirinya terbatal, tetapi dalam pada tempoh yang sekarang hingga 11 Februari 2009 itu, sekiranya Kementerian Kewangan mempunyai hajat untuk meneruskan perolehan berkenaan dan ada peluang untuk mendapatkan peruntukan sekiranya ada, mereka boleh meminta tempoh sah laku tender dilanjutkan oleh Eurocopter. Eurocopter boleh membuat pertimbangan sama ada untuk bersetuju memberi pelanjutan tempoh sah laku tender itu atau tidak.

Kalau dia tidak setuju dan *when it comes to 11 February that tender just lapse, that's no more valid*. Kalau sekiranya keputusan itu sebulat suara pun memang perlu mengemukakan harga berkenaan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan muktamad, sebab itu memang termaktub dalam peraturan sedia ada. Tender, bekalan perkhidmatan pada ketika itu yang melebihi RM50 juta tidak kira siapa menguruskannya memang perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan muktamad. Mana-mana agensi mengeluarkan surat kelulusan tawaran tanpa kelulusan MOF memang tidak mematuhi peraturan. Jadi dalam hal ini Kementerian Pertahanan sebenarnya mengikuti prosedur yang telah ditetapkan.

Do we know whether that's the best price to get? Atas dasar itulah maka perundingan harga itu dibenarkan untuk Kementerian Pertahanan membuat perundingan itu dengan *vendor* berkenaan dan MOF tidak campur tangan dalam perundingan berkenaan. Oleh sebab pada pendapat Kementerian Kewangan, harga itu banyak bergantung pada *technical specification and military requirement and they know best their core business*. Tuan Pengerusi *so we stand guided by the Minister of Defence when it comes to price that is to test the technicality specification*.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing: Tuan Pengerusi, *why I asked this, I believe* Kementerian Kewangan mesti mempunyai sedikit pengetahuan sebab *therefore there is a ceiling, why not the ceiling RM3 billion or RM5 billion. The fact that is RM1.75, I'm sure* Kementerian Kewangan *has some sense of pricing. I'm not disputing the RM1.604, in fact is somebody told me, is RM2 billion, RM3 billion very subjective as far we are concerns*.

Maknanya RM1.75 itu agaknya Kementerian Kewangan ada sedikit pengetahuan *why ceiling at RM1.75. My question* Tuan Pengerusi *is very simple*. Maknanya Kementerian Kewangan pun mempunyai gambaran sedikit sebanyak atas perolehan ini dan *just to answer some of the queries from outside, why not RM3 billion, why not RM2 billion, the fact that is RM1.75 billion perhaps the government knows*.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, *why can't you call a spade a spade? In other words, does* Kementerian Kewangan *set the ceiling* RM1.75 itu untuk menyesuaikan dengan pembekal dan kemampuan pembekal, *that's what you trying to say? Yes*.

Datuk Zalekha Hassan: Harga pasaran Tuan Pengerusi.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing: *[Menyampuk]*

Datuk Zalekha Hassan: Tuan Pengerusi biasanya dalam urusan perolehan kerajaan semua agensi berkenaan perlu membuat *market survey*, satu untuk mengetahui spesifikasi *technical available and the other is* untuk mengetahui anggaran harga, siling adalah anggaran.

Tuan Pengerusi: *That's the very subjective side. You are satisfied with the answer. That is the one of those things that is being talked about at the back, not here outside in the market.* Tidak apa, *we take it as it is.* Yang Berhormat Ledang?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama yang disenaraipendek sahaja... yang disenaraikan semua ada tujuh. Seperti pada peringkat awal dulu saya difahamkan ada seorang petender daripada lokal, yang mana satu...

Seorang Ahli: Lokal... *[Ketawa]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Saya difahamkanlah dulu ada lokal petender, tapi tak ternampak pula. Mentari kah apa, mana itu? Nampak semua petendernya *from overseas* kan. Akan tetapi yang penting sekali Tuan Pengerusi ialah yang terima LOI ialah yang kelima, RM1.6 billion harga anggaran keseluruhan berbanding dengan yang *lowest* RM714 juta lebih. Jadi soalan saya, adakah ini satu perkara yang biasa dalam amalan penganugerahan kontrak sama ada kerja atau bekalan ataupun seperti P. Ramlee kata, kadang-kadang atau jarang-jarang. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah: Ya Tuan Pengerusi, ini ada amalan biasa, kadang-kadang kita tidak ada, *not necessary the lowest price* yang kita pilih *because* dia ada...

Dato' Azizah binti Haji Arshad: Kriteria...

Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah: Kriteria yang kita pakai untuk menentukan tender yang akan berjaya. Dan yang satu lagi mengenai *local, local*, kita tak ada maklumat...

Dato' Azizah binti Haji Arshad: *Local*, memang tak ada *local*.

▪ 1530

Dato' Azizah binti Haji Arshad: Yang *local* itu ialah syarikat Bell, helikopter. Dia merupakan agen, Hamidah Fazilah Sdn. Bhd... *[Disampuk]* *In ringgit, the one* yang in Ringgit Malaysia *is from the local...* *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Zalekha Hassan: Agen tadi itu *I do not consider them to be hidden.* It is a requirement by MINDEF to have a local agent in order to assist the foreign companies in dealing with our government agencies. So, boleh dikatakan semua *bidders* memang ada *local agent*. Dalam *document tender* mereka maklumkan.

Tuan Pua Kiam Wee: Tuan Pengerusi, kalau macam itu, bila saya tanya dengan Kementerian Pertahanan sebelum ini mereka kata semua tak ada. Jawapan yang diberikan ialah semua tak ada. Ini dah jadi satu *misleading* punya fasal dah.

Dato' Haji Abd. Rahman bin Dahlan: Tuan Pengerusi, mungkin kita kena *clarify juga*. Sorry, bukan hendak menjawab.

Tuan Pua Kiam Wee: Sudah tanya dua 2-3 kali, mereka dah pasti kata tak ada.

Dato' Haji Abd. Rahman bin Dahlan: *No, I think we need to know whether the tenderer are the OEM atau pun agent because sometimes...*

Tuan Pua Kiam Wee: *Tenderer OEM.*

Dato' Haji Abd. Rahman bin Dahlan: *No no, sometimes, for communication wise they have to have a site office in the country.*

Tuan Pengerusi: *I would not use agent, I would say the word runners lah, they run for this company.*

Tuan Pua Kiam Wee: *Sama lah itu [Ketawa].*

Tuan Pengerusi: *Ya, you can call it... dia runnerslah.*

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *Ataupun representative.*

Datuk Zalekha Hassan: *Actually the principle appointed here in Malaysia.*

Tuan Pengerusi: *The job is running around and lobbying here and there. Lets face it. Lets call a spade, a spade.*

Datuk Zalekha Hassan: *But it's done above board.*

Tuan Pengerusi: *It's okay, it's accepted.*

Tuan Pua Kiam Wee: *The question is, when I asked, they specifically said, no such thing. We deal direct with the principal. Specifically dia tak tahu siapa-siapa tempatan yang mengendalikan kes mereka kerana ini adalah...*

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: *But Yang Berhormat, perhaps if you say that maybe we can look back into the Hansard. If they did say that. They said that?*

Tuan Pua Kiam Wee: *100% guarantee. I was specifically asking that question.*

Tuan Pengerusi: *We shall look back at that part. But in this business, there are..., either way I use the word runners but if you want to call it local contractors, tak apalah but it seems they just doing running around and lobbying around.*

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Kalau saya boleh *refresh* baliklah, yang saya ingat, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tanya sama ada ada orang tengah atau tidak. *The word is orang tengah.*

Tuan Pua Kiam Wee: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Atau pun agen. Okey, okeylah.

Tuan Pua Kiam Wee: Dia kata tak ada.

Datuk Zalekha Hassan: Tuan Pengerusi, *as far as the tender price is concerned, the agent or principle tak masuk ya. The contract is with, the bid is with the OEM sahaja. Normally, they would want the local partner dia itu untuk administrative matter sahaja. Not specific to the bid here yang mana harga itu RM1.604.*

Tuan Pengerusi: *Likewise Malaysian companies abroad, bila hendak tender pun dia appoint local sana to do their local job there. So, it is quiet common everywhere...Yeah, I don't see there's anything wrong ya.*

Tuan Pua Kiam Wee: *No, I am not saying that there is anything wrong per se. But I asked the question so that I can find out more information about this companies but they specifically said there's no Malaysian companies involved.*

Tuan Pengerusi: *Can we discuss that internally among us?*

Tuan Liang Teck Meng: *I think I remember what they said that day, the seven tenderer they are all original manufacturer, tak ada orang tengah. So, when one of these tenderer is appointed only they will show us, they will appoint a local agency. I mean to settle all the local matters. That is what according to my memory.*

Tuan Pengerusi : Yang Berhormat, *next one.* Yang Berhormat Pulai.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin memanjangkan lagi dua pertanyaan dari Yang Berhormat Kota Belud tadi. *Firstly*, mengenai tempoh luput syarat tender ini. Tadi Datuk Zalekha mengatakan bahawa tempohnya pada tahun hadapan, setahun kan? Saya hendak tanya, apakah prosedur seterusnya kalau kerajaan membuat keputusan untuk membelilah selepas menanggungkan tempohnya. Adakah proses itu akan dibuat melalui tender terbuka balik semula atau pun kerana proses tender terbuka telah pun dijalankan. Adakah semua petender yang *short-listed* tadi akan dipanggil semula. Saya hendak tahu prosedur dia bagaimana. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya hendak minat minta penjelasan sedikit mengenai *check and balance* dalam sistem dokumen kerajaan inilah, apa yang selalu berlakulah. Berpandukan kepada soalan Yang Berhormat Kota Belud tadi, apabila beliau mengatakan bahawa siapa yang menetapkan siling untuk *procurement* sesuatu barang lah kan. Macam tadi beliau mengatakan sama ada Kementerian Kewangan sendiri ada *knowledge* tak mengenai penetapan siling tersebut. Akan tetapi apa yang saya baca dalam *briefing* Tan Sri tadi, EPU yang menetapkan. Jadi, soalan tambahannya adalah sama ada siling yang ditetapkan oleh EPU itu adalah siling yang ditetapkan oleh *outside consultant* atau pun ditetapkan oleh Kementerian Pertahanan sendiri. Maknanya, dalam proses untuk merumuskan bajet itu, Kementerian Pertahanan itu sendiri yang mengemukakan *estimate* bajet tersebut.

Balik-balik ini ada tak dia punya *clear check and balance* dalam soal pembelian dari mula-mula spesifikasi untuk pembelian tersebut dikemukakan sampai ke akhirnya proses pemulihannya. Saya tengok di peringkat penilaian dan juga pemilihan itu nampaknya ada *check and balance* yang jelaslah. Cuma di peringkat penetapan *specs* itu masih belum ada lagi ada..., saya nampak jelas ada *clear check and balance* dalam penetapan *specs* ini. Itu dua soalan saya. Terima kasih.

Datuk Zalekha Hassan: Saya hendak jawab soalan kedua dahulu soal harga siling itu tadi. Memang, harga siling itu adalah siling RMK yang ditetapkan oleh EPU. *Of course estimated price comes from* Kementerian Pertahanan dahulu. Mereka yang membuat *estimation* untuk *bid* for peruntukan dengan EPU dan MOF. Jadi, harga siling ini *is arrived at the budget examination* punya *process* semasa penyediaan RMK-9. *So, they would have gone through a rigorous process of budget examination to accept that estimated price. So, the check and balance is before and after RMK-9 is approved.*

On the tarikh luput tadi, *bearing in mind that* tarikh luput adalah 11 Februari 2009, kalau *indication government were to purchase it before expiry date and* sekiranya proses perolehan itu masih memerlukan masa sebelum *LOA is issued by that date, then* seperti yang saya terangkan lebih awal, *they can ask the bidder for an extension.* Lanjutkan tempoh sah laku. Kalau dia setuju ada dua kemungkinan, *they maintain* harga lama, kedua dia lanjut dengan tambahan harga. Asal tambah sahaja harga, *they got to come back to MOF for approval.*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Zalekha Hassan: Kalau lepas itu luput dengan sendirinya, *in fact,* untuk melanjutkan tempoh sah laku itu pun dia kena balik ke lembaga untuk dapat kelulusan untuk lanjutkan. Dia tak boleh, *no one particular person can do that. He must go back to the committee to get approval to extend the* tempoh sah laku.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed: *At which point does the process of extension* dengan *new tender* itu atau pun ini *happen.*

Datuk Zalekha Hassan: *Extension,* kalau ada *extension of validity period.* Akan tetapi kalau *validity period* itu dah habis, *it is a new tender process all together.*

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed: *A new tender process all together. It cannot be a close tender anymore. It must be an open tender juga. You invite everybody back?*

Datuk Zalekha Hassan: *It is an open tender. If they want to restrict it back to the seven* itu sahaja, *they have to come back to MOF for approval. Because this value* tak boleh buat tender terhad tanpa kelulusan MOF.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Soalan tambahan, lanjutan daripada Yang Berhormat Pulai. Kalau ikut trend ekonomi sekarang memang menurunlah. Amerika itu satu, satu dunia turun. Kemungkinan atau tidak selepas Februari tahun hadapan sekiranya tempoh sah laku ini tidak dilanjutkan, tender terbuka semula mungkin tawaran akan lebih rendah daripada yang sekarang.

Tuan Pengerusi: *Hypothetical* lah itu, susah hendak jawab. Yang Berhormat Pulai, *you have anymore?* Yang Berhormat Kota Belud? Yang Berhormat Kapit?

Tuan Alexander Nanta Linggi: *Yeah, I have a question* Tuan Pengerusi. *In connection to what that has already been asked, I just need further clarification,* ini harga siling RM1.75 bilion itu adakah siling itu ditetapkan hanya untuk 12 unit sahaja atau siling untuk peruntukan *because we do not know how many needs required in the tender. Did we tender just for 12 units for any*

make, that is why we have a ceiling of RM1.75 billion or did EPU put RM1.75 billion in this Malaysia Plan to purchase the equipment. So when the tender is made it can be for more or for less unit. Just a very specific... Terima kasih.

Tuan Pengerusi: *I hope you understand the question. Can we have any answer.*

Datuk Zalekha Hassan: *Yes I do. Now at the budget process, dalam penyediaan RMK-9, any ministry would normally want to maximise and normally they would go for optimum number but as all of us know, there is allocation, so normally this is where EPU will exercise dia punya rights to cut the budget for ministries. So MINDEF could have asked for a certain number, but upon approval bawah RMK-9 the number may have been reduced to a particular number that is acceptable to MINDEF. Akan tetapi itu diuruskan oleh EPU, MOF may not know exact number but then again sebelum sesuatu proses perolehan atau tender diuruskan, agency is supposed to merancang and based on market survey and their technical requirement they should have an anggaran harga based on per unit price. So, then they will make the tender based on the planning that they have done. Taking into consideration also, that peruntukan yang diluluskan itu adalah pada tahun pertama RMK-9 iaitu 2006 and the preparation for the RMK-9 is how many years back.. So, selalu ada masalah itu..*

■1545

So, at the point bila dia merancang untuk perolehan itu, dia kena buat estimate yang baru. So that is why the ceiling will remain the ceiling and sometime if they feel that the ceiling is not sufficient, they're allowed to vie ceiling from lain-lain butiran projek bawah RMK9 but then again their constraint would be their priority in the ministry, they have to decide their priority.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Gelang Patah.

Puan Tan Ah Eng: *Actually I want to ask regarding on the ceiling how we can't then is..*

Tuan Pengerusi: *Okey, Yang Berhormat Tumpat.*

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Tan Sri KSP dan wakil daripada Kementerian Kewangan. Kalau tengok secara atas kertas ini, tugas Kementerian Kewangan tidaklah susah sangat. Ada tiga petender, satu sudah *above* bajet, tinggal dua. Kemudian dengan asas bahawa Kementerian Pertahanan punya perkara ini rahsia penting, keselamatan Negara, jadi keputusan teknikal ataupun kementerian yang lebih penting daripada keputusan Kementerian Kewangan pun.

Oleh sebab Kementerian Pertahanan dengan sifat-sifat profesional mereka mencadangkan Eurocopter, maka itu keputusannya. Rasanya *on paper, on the surface, your task obviously was a very simple one. Except that* sebagaimana semua sahabat-sahabat tadi kita ingin tahu macam mana RM1.75 bilion daripada EPU itu dicapai. Bagaimana kita di Kementerian Kewangan atau EPU ada atau tidak *intelligence* Eurocopter ini, Brazil beli berapa harga dia, India beli berapa harga dia. Kenapa di India mula-mula ada tender, kemudian dia *cancel the whole*

tender kerana menuduh bahawa *deal eurocopter* ini ada *a lot of hidden*, unsur-unsur yang tidak disenangi oleh negara India itu.

Do we go beyond just tiga senarai, dua yang layak dari segi kewangan. Daripada dua yang tinggal, satu disokong kuat oleh sebab-sebab teknikal. So effectively you and that just with no other choice except Eurocopter. I am asking did you go beyond that? Did you really find out why EPU want 1.75 bilion? Why other countries ordered Eurocopter and got it cheaper. Sudah tentu ada perbezaan-perbezaan, *but what were the real differences and why was it that India were supposed to order but decided to cancel the whole tender exercise because the Eurocopter was involved another accusation. Did you go beyond that?* Itu soalan saya. Terima kasih.

Datuk Zalekha Hassan: Tuan Pengerusi, siling lulus *by EPU* itu mengikut prosedur sedia ada *where you know that RMK-9 is provided by Parliament. So that is a given in taken figure. We don't question that anymore. Because we are assume that it has gone to all the necessary check and balance* punya proses.

Now, to say that if it comes to MOF, it is a very simple procedure I beg to disagree. Because dalam kes in tidak seperti perakuan tender yang lain-lain yang biasanya diterima oleh Kementerian Kewangan. We would only go based on kertas perakuan daripada kementerian. Namun kes ini memandangkan dia tidak sebulat suara dan disebabkan ia nya melibatkan perolehan strategik ,maka dalam kes ini Kementerian Kewangan telah meminta supaya semua dokumen tender daripada setiap pembida dikemukakan kepada Kementerian Kewangan.

This is not done with other ministry with formal tender exercise that is required to be submitted to MOF tetapi dalam kes ini, we did ask for all the document. We went through every single one of the seven bidders study. Because it is not unanimous so we had to go through that. And of course juga masa itu pun kita ada dengar macam-macam kompelin jadi pasal itu Kementerian Kewangan sendiri meneliti kes ini dengan begitu teliti sekali dan mengambil masa. So, we did go through the document tender each and everyone itu quite thoroughly which we don't normally do, Tuan Pengerusi. So tidaklah semudah seperti yang dikatakan. It took us quite some time.

Tuan Pengerusi: *...But the question raise by Yang Berhormat tadi, do we have intelligence, to use on intelligence find out what are other countries are doing because information about defense is always in the defense magazine.*

Datuk Zalekha Hassan: Tuan Pengerusi, kita di MOF punya *core business we stick to our core business. So we have to give recognition to the core business on MINDEF and we take it but of course in our ministry* Bahagian Perolehan. Kita ada wakil MINDEF di Bahagian Perolehan Kementerian Kewangan yang dapat membantu kita untuk membuat penilaian yang terperinci. Semasa pegawai ini bertugas di Kementerian Kewangan, dia memakai topi Kementerian Kewangan dan kita bergantung dengan kepakaran yang ada dengan pegawai berkenaan.

Dato' Kamarul Baharin Abbas: Tuan Pengerusi dan Tan Sri. Soalan saya, *technically a compliance level capability has been set as 60%* dan mengikut analisa ini tiga lulus tetapi dua *considerably* dan dua-dua *comply* lebih daripada 60%. Tender ini *awarded to Eurocopter because of the superior technical capability. Is the ministry satisfied that the difference superior technical capability ini justify the extra cost of 340 million. In other words, we are prepared to pay an extra 340 million because of this excess deferential superior capability. It is 86% as against 67. That is my question number one.*

My second question is dalam dokumen diperlukan optional requirement, particularly CSAR kalau sudah diminta itu maknanya ada hajat hendak membeli. Apakah tidak perlu kementerian minta penender memberi indicative price on this optional requirement. Seandainya kalau kita perlukan, kita tahu banyak mana dana yang perlu. Kita kluatir nanti, apabila tiba masa kita perlu, inilah masa yang dia akan kemungkinan provide a very high price. Of course you have got to refer to the kementerian. But then if you at that point of time don't have a choice, they are proprietary items. They are the only who can provide this option accessories.

Jadi I find it logical that the pricing for the optional requirement is provided but not necessarily part of the agreement now or rather the total agreement price which is sign. Akan tetapi kita tahu dia punya range. Otherwise what was the point of having the optional requirement in the tender documents. Itu dua soalan saya.

Datuk Zalekha Hassan: Tuan Pengerusi, saya jawab soalan yang kedua dahulu. Memang harga *optional* biasanya kita minta untuk dia *indicate* di peringkat awal pembidaan dan sekiranya kita memilih untuk tidak membeli dengan *equipment* CSAR tadi, tetapi bila keluarkan LOA dengan harga katalah kita setuju 1.604 tadi, *contract clause* yang akan ditandatangani oleh MINDEF itu akan mempunyai satu klausa di mana dia membolehkan *in future for the equipment to be upgraded* misalannya. *So for upgrading purposes some the optional equipment will be required but they will purchase at the later period. That is allowed under the contract clause.* Jadi harga masa bidaan itu akan digunakan sebagai panduan *because harga itu may not be valid anymore. Because you never know when you want to purchase the additional equipment for upgrading purposes or for additional scope, for whatever.*

Tuan Pengerusi: *So in another word, harga itu adalah.*

Datuk Zalekha Hassan: *Ada. Indicating...*

Dato' Kamarul Baharin Abbas: *Ada harga itu ada?*

Datuk Zalekha Hassan: *Even this given, we takes that hargalah.*

Tuan Pengerusi: *No, no, no. In this tender. Ada tak?*

Datuk Zalekha Hassan: *If they make it optional requirement, then they would fill up that column for optional.*

Tuan Pengerusi: *Was the price...?*

Datuk Zalekha Hassan: *Ada, ada. Indicator...*

Tuan Pengerusi: *No, soalnya dalam tender ini, adakah yang optional items itu yang tidak mungkin digunakan immediately disebutkan di dalam tender.*

Datuk Zalekha Hassan: *It could be mentioned there. Walaupun tidak digunakan immediately. As I mentioned, there are in circumstances where they may decide to upgrade the aircraft later.*

Tuan Pengerusi: *We understand that. But di dalam tender yang Yang Berhormat tanya ini, adakah harga opsyenal ini iaitu item itu dimasukkan di dalam tender ini? That is very relevant question. Mungkin tidak dibeli sekarang, tetapi adakah itu dimasukkan?*

Datuk Zalekha Hassan: *Di dalam jadual harga itu ada dinyatakan harga optional bagi optional items.*

Tuan Pengerusi: *So that adakah dimasukkan harga ini di dalam total yang dimasukkan di bawah ranking JPPT, Jawatankuasa Teknikal ini yang dikatakan 86.32%? Adakah itu termasuk..?*

Datuk Zalekha Hassan: *Berapa percent Tuan Pengerusi?*

Tuan Pengerusi: *Ya, ya, apabila kita quantify in total 1.04 itu, this optional item itu masuk di dalam itukah ataupun tidak dimasukkan?*

Datuk Zalekha Hassan: *Sudah dimasukkan. Yang mana mereka kehendak pada ketika mengeluarkan LOI.*

Tuan Pengerusi: *Sorry to repeat Yang Berhormat punya ini. You want to repeat or let me clear this? Do I understand you correctly Yang Berhormat. What the question asked is the optional item that may not be used now for combat, I am talking about SAR, CSAR. C itu Combat. Those item needed for Combat, are they included in the tender price but we may not include in the total yang kita hendak beli. Maksudnya, those for Combat is given but we don't include in the 1.604 ataupun we include dalam 1.604.*

Datuk Zalekha Hassan: *Combat tidak masuk Tuan Pengerusi.*

Tuan Pengerusi: *Biasa ada.*

Datuk Zalekha Hassan: *In the bid, yes.*

Tuan Pengerusi: *Indicator?*

Datuk Zalekha Hassan: *Yes. So, if they want to upgrade to Combat nanti, harga indicating itu sudah ada.*

Tuan Pengerusi: *Di dalam ketiga-tiga petender ini, where do they stand comparatively among themselves? Yang mana murah, yang mahal?*

Datuk Zalekha Hassan: *If we single out those optional?*

Tuan Pengerusi: *Ya, single out which? Because I know Yang Berhormat is leading to something where you may offer cheap price but the optional that is where you make the money. I mean that is the market. Jadi, am I right, Yang Berhormat? Why don't you question instead of me?... [Ketawa]*

